

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2019/2020

Disember 2019 / Januari 2020

HMT411- Teori dan Kaedah Penyelidikan Linguistik

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

1. Jawab **TIGA (3)** soalan.
2. Bahagian A Jawab **DUA (2)** soalan.
3. Bahagian B jawab **SATU (1)** soalan.
4. Jawab ketiga-tiga soalan dalam buku yang berlainan.

...2/-

SULIT

Bahagian A: Jawab SEMUA soalan.

1. Teliti DATA 1, dan jawab soalan [a], [b] dan [c].

Berikut merupakan tajuk kajian yang hendak dilakukan oleh seorang pelajar yang menjalankan latihan ilmiah di Universiti Sains Malaysia. Sebelum beliau melaksanakan kajian tersebut, beliau dikehendaki mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia (JEPeM).

DATA 1

Tajuk kajian: Pemetaan Auditori Motor dalam Terapi Muzik sebagai Intervensi untuk Memudahkan Pemahaman Ayat Tanya Wh- dalam Kalangan Remaja Kecelaruan Bahasa Spesifik Bahasa Pertama (B1) Bahasa Melayu

[8 markah]

- [b] Terdapat TUJUH dokumen yang perlu disediakan untuk membuat permohonan kelulusan menjalankan kajian beliau. Nyatakan ketujuh-tujuh dokumen tersebut.

[14 markah]

- [c] Sekiranya pelajar latihan ilmiah tersebut tidak menjaga hak subjek kajiannya, apakah tindakan yang akan diambil oleh jawatankuasa tersebut?

[8 markah]

2. Teliti DATA 2 dan jawab soalan [a], [b] dan [c].

Berikut ialah skor responden dalam ujian penghasilan imbuhan dan ujian pemahaman ayat kompleks.

DATA 2		
Responden	Skor ujian penghasilan imbuhan	Skor ujian pemahaman ayat kompleks
1	98	92
2	89	86
3	93	60
4	78	78
5	83	100
6	90	80
7	66	90
8	88	99
9	67	88
10	88	95

[a] Tunjukkan cara pengiraan nilai mod, median, min dan sisihan piawai bagi skor ujian penghasilan imbuhan dan skor pemahaman ayat kompleks.

[10 markah]

[b] Berdasarkan jawapan [a], bandingkan prestasi responden (3), (6) dan (7) berdasarkan nilai min dan sisihan piawai dalam ujian penghasilan imbuhan dan ujian pemahaman ayat kompleks.

[10 markah]

[c] Huraikan perbezaan statistik deskriptif dengan statistik inferensi.

[10 markah]

Bahagian B: pilih dan jawab SATU (1) soalan sahaja.

3. Dengan menggunakan DATA 3, jawab soalan [a] hingga [c] untuk kajian hipotetikal bertajuk 'Proses Pembentukan Kata dalam Teks Akhbar Talian Pilihan'.

DATA 3

[i] 'Tentera bawang' telah mengambil tugas mengajar [ii] pembuli siber yang didakwa telah menyebabkan [iii] akaun Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah [iv] dinyahaktif sejak semalam.

Gambar akaun pembuli siber itu telah menjadi [v] tular sejak pagi ini dan telah diulang siar oleh pelbagai akaun di semua [vi] media sosial.

Semalam, seorang pengguna [vii] laman sosial Twitter didakwa telah memuatnaik [viii] ciapan balas pada [ix] statusnya yang juga boleh dianggap sebagai perbuatan buli siber sehingga menjadi ciapan berantai yang jelik terhadap ciapan @cheminahsayang sebelum ini yang sering berkongsi [x] aktiviti harian baginda.

Sumber: <https://www.kosmo.com.my/terkini/tentera-bawang-ajar-pembuli-akaun-twitter-cheminahsayang-1.969362>

- [a] Dengan menggunakan huraian morfologi tentang proses pembentukan kata dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (Nik Safiah Karim et al., 2015), perlihatkan kerangka teoretis yang boleh digunakan untuk menganalisis perkataan bergaris (i) hingga (x).

[10 markah]

- [b] Dengan menggunakan maklumat daripada [3a], perlihatkan carta aliran kerangka kerja lengkap untuk kajian hipotetikal yang diberikan.

[20 markah]

...5/-

SULIT

- [c] Dengan menggunakan kaedah jadual berlabel lengkap untuk tujuan penerbitan di jurnal linguistik, perlihatkan dapatan tentang proses pembentukan kata untuk perkataan bergaris (i) hingga (x).

[10 markah]

4. Dengan menggunakan DATA 4, jawab soalan [a] hingga [d].

DATA 4	
[i]	<u>Jenazah</u> Dr. Md Farid selamat <u>dikebumikan</u> (sumber: https://www.utusan.com.my/berita/nasional/jenazah-dr-md-farid-selamat-dikebumikan-1.974581 , diakses pada 12 Disember 2019 pada 10.00 pagi)
[ii]	<u>Mayat</u> Dr. Md Farid selamat <u>dimakamkan</u> .
[iii]	<u>Jenazah</u> Sultan Ismail Petra selamat <u>dimakamkan</u> . (sumber: https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/611975/jenazah-sultan-ismail-petra-selamat-dimakamkan , 28 September 2019)
[iv]	<u>Jenazah</u> Sultan Ismail Petra selamat <u>dikebumikan</u> .
[v]	<u>Mayat</u> wanita dibungkus selimut tebal ditemui. (sumber: https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/09/605995/mayat-wanita-dibungkus-selimut-tebal-ditemui , Fitri Nizam, 3 Oktober 2019)
[vi]	<u>Bangkai</u> wanita dibungkus selimut tebal ditemui.
[vii]	<u>Bangkai</u> anjing dibuang ke longkang bukan <u>ditanam</u> . (sumber: https://www.utusanborneo.com.my/2018/10/05/bangkai-anjing-dibuang-ke-longkang-bukan-ditanam)
[viii]	<u>Jenazah</u> anjing dibuang ke longkang bukan <u>dikebumikan</u> .

- [a] Dengan menggunakan maklumat sosiosemantik bahasa dan budaya Melayu serta teori analisis komponen, huraikan ketepatan dan kesesuaian penggunaan perkataan bergaris (i) hingga (viii) untuk kajian hipotetikal bertajuk 'Analisis Ketepatan Diksi dalam Teks Dalam Talian Pilihan'.

[10 markah]

...6/-

- [b] Dengan menggunakan maklumat daripada [4a], perlihatkan dan huraikan cara yang digunakan untuk menunjukkan bahawa sesuatu struktur ayat itu (i) gramatis atau (ii) tidak gramatis dalam penulisan untuk jurnal linguistik? Sertakan contoh yang bersesuaian daripada DATA 4.

[10 markah]

- [c] Dari segi etika penulisan untuk jurnal dalam bidang linguistik, huraikan ketepatan dan kesesuaian penulisan sumber untuk DATA 4.

[10 markah]

- [d] Dari segi etika penyelidikan kajian linguistik, bincangkan secara ringkas dan padat kewajaran penggunaan DATA 4 yang melibatkan rujukan untuk golongan diraja, golongan kerajaan, rakyat biasa, dan haiwan sebagai subjek dalam satu kajian (i) sosiosintaksis ATAU (ii) sosiopragmatik.

[10 markah]